



**KETUA SETIAUSAHA NEGARA
MALAYSIA**

Jabatan Perdana Menteri
Aras 4 Blok Timur, Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya

Tel : 603-8872 7211
Faks : 603-8889 4479

MAMPU.600-1/7/1 (1)

27 November 2023

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN *SINGLE SIGN-ON* (SSO) APLIKASI KERAJAAN
SELARAS DENGAN INISIATIF IDENTITI DIGITAL NASIONAL (IDN)**

Sukacita saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/tuan/puan kepada perkara di atas.

2. Seperti mana sedia maklum, Identiti Digital Nasional (IDN) adalah suatu bentuk pengenalan digital yang sedang dibangunkan oleh Kerajaan. Penggunaan IDN sebagai Sistem Log Masuk Tunggal (*Single Sign-on, SSO*) dalam semua perkhidmatan digital kerajaan akan memudahkan rakyat untuk mendapatkan perkhidmatan digital dan melakukan transaksi dalam talian secara lebih selamat.

3. **MIMOS Berhad** bertanggungjawab dalam **pembangunan dan pengaplikasian IDN** manakala **Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri** telah diberi peranan untuk **menyelaras dasar pelaksanaan aplikasi IDN** di bawah satu sistem bersepadu Kerajaan.

4. Sehubungan itu, **semua Kementerian, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUK) dan Agensi Sektor Awam** mesti menggunakan aplikasi IDN yang dibangunkan oleh MIMOS Berhad di dalam pembangunan sistem ICT agensi dan perlu mengintegrasikan IDN sebagai **Sistem Log Masuk Tunggal (SSO)** kepada semua aplikasi yang terlibat.

5. Ini adalah penting bagi **memastikan keseragaman sistem aplikasi kerajaan yang akan disatukan dibawah satu Aplikasi Tunggal Kerajaan (Government SuperApp)** yang membolehkan rakyat melanggan dan menggunakan perkhidmatan digital kerajaan dengan mudah dan selamat.


6. Kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/tuan/puan dalam **memberi keutamaan** terhadap perkara ini adalah penting bagi memastikan kejayaan pelaksanaan IDN di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI)

s.k.:

1. YBHG. DATO' TS. DR. HJ. AMINUDDIN BIN HASSIM

Ketua Setiausaha
Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi
Aras 6, Blok C5, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62662 PUTRAJAYA

2. YBHG. DATUK HAJI RUJI BIN HAJI UBI

Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri
Blok D1, D2 & D9, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 PUTRAJAYA

3. YBHG. DATUK HAJI RODZI BIN MD. SAAD

Ketua Pengarah
Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan
(MAMPU)
Jabatan Perdana Menteri
Aras 6, Setia Perdana 2, Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

4. YBRS. DR. SAAT SYUKRI EMBONG

Ketua Sektor Usaha Teknologi
MIMOS Berhad (336183-H)
MRANTI Technology Park
Bukit Jalil
57000 KUALA LUMPUR